

Utara



Dr Zaini (duduk empat kiri) dan Zulkifli (duduk lima kiri) bersama peserta pada Majlis Perasmian Konvensyen Halal Farmaseutikal Kebangsaan 2019 di Kota Bharu, semalam.

[Foto Nik Abdullah Nik Omar /BH]

Banteras ubat, kosmetik haram

Jabatan kesihatan komited pastikan produk tiada di pasaran

Kota Bharu: Jabatan Kesihatan Kelantan komited membanteras ubat dan kosmetik terlarang yang dipasarkan kepada pengguna di negeri ini.

Pengarahnya, Dr Zaini Hussin berkata, pihaknya memandag serius pemasaran ubat dan kosmetik yang tidak ada kelulusan Ke-

menterian Kesihatan Malaysia (KKM) dari segi bahan yang tidak diiktiraf.

“Kita mahu masyarakat tahu walaupun harga ubat dan kosmetik terlarang ini murah, ia boleh membahayakan pengguna sama ada dalam jangka masa panjang atau pendek,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Halal Farmaseutikal Kebangsaan 2019 di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi KKM Dr Ramli Zainal dan Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Kementerian Kesihatan sentiasa menyebarkan maklumat dan berharap peniaga jangan hanya melihat pada aspek keuntungan.

Dr Zaini Hussin,
Pengarah Kesihatan Kelantan

Dr Zaini berkata, penganjuran konvensyen berkenaan dilihat bersesuaian dengan isu terkini dan relevan bagi industri farmaseutikal halal di Malaysia bagi menghasilkan ubat-ubatan halal dan bebas daripada unsur yang meragukan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, bagi membanteras penulatan ubat dan kosmetik terlarang, pihaknya juga turut mengadakan penguatkuasaan dari semasa ke semasa di negeri ini bagi memastikan produk berkenaan tidak berada di pasaran.

“Kita di pihak Kementerian Kesihatan sentiasa menyebarkan luas

maklumat dan berharap peniaga jangan hanya melihat pada aspek keuntungan, tetapi keselamatan pengguna juga perlu diberikan perhatian.

“Ini tanggungjawab kita semua dan pentingnya semua pihak memainkan peranan untuk memastikan tiada permintaan, bukan hanya dibebankan kepada anggota kesihatan sahaja,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga sentiasa mengalu-alukan maklumat daripada orang ramai berkaitan penjualan ubat dan kosmetik yang tidak diiktiraf KKM agar ia dapat dibanteras.

BERNAMA